



SinarHarian



SinarOnline



SinarHarian



sinarharian



Sinar Harian



Sinar Harian Official

>> KHAS > COVID-19 > Selangor tubuh pusat vaksinasi khas AstraZeneca di Shah Alam

Selangor tubuh pusat vaksinasi khas AstraZeneca di Shah Alam

ENGKU SHARIFUL AZNI || 02 Mei 2021



Covid-19: Ibu muda mahu adakan Negeri Sinar
menunggu rawatan akan menerima notifikasi

Amirudin

A⁻ A⁺

Tida Baca cerita seterusnya >

Powered by iZooto

KAJANG - Kerajaan Selangor menubuhkan pusat vaksinasi khas di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC) Shah Alam yang menggunakan vaksin AstraZeneca bagi mempercepatkan program imunisasi.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pusat vaksinasi tersebut diadakan setelah pihaknya berbincang dengan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar beberapa hari lalu.

Menurutnya, pusat vaksinasi tersebut akan disiapkan dalam masa empat hingga lima hari lagi dan akan dikendalikan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling di bawah seliaan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Petaling, Johary Anuar.

"Orang ramai boleh datang secara sukarela untuk mendapatkan vaksin tersebut dan saya percaya ia akan mempercepatkan program vaksinasi di Selangor.

"Walaupun terdapat kes-kes gumpalan darah yang dilaporkan di beberapa hospital, namun kebarangkalian ia berlaku amat rendah dan saya percaya ia selamat seperti dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya ketika sidang akhbar di Residensi Adelia, Taman Bangi Avenue, di sini pada Ahad.

Dalam pada itu, Amirudin turut berbincang dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri, semua Yang di-Pertua Majlis Perbandaran dan Datuk Bandar serta pegawai daerah pada Sabtu berkenaan persediaan Selangor menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, antara punca kenaikan kes Covid-19 yang mencecah empat angka sejak beberapa hari lalu adalah peningkatan pengunjung ke pusat membeli-belah, bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri.

"Berdasarkan penjejakan yang dibuat menerusi aplikasi MySejahtera dan SELangkah, kita dapati mereka yang positif Covid-19 mengunjungi pusat beli-belah, bazar Ramadan dan bazar Raya, di samping jumlah pengunjung mencecah lebih daripada 10,000 orang pada hari tertentu.

"Penggunaan katil di ICU meningkat sehingga hampir 60 peratus dan menghampiri tahap bahaya dengan kebanyakan kes yang dirujuk di hospital adalah pesakit Covid-19 berada pada tahap tiga dan empat.

"Paling penting, kita perlu mempercepatkan program imunisasi vaksin Covid-19 kerana jika proses vaksinasi cepat selesai, kita boleh elakkan daripada PKP dilaksanakan," katanya.

Paling Terkini: Polis rampas mercun, rokok bernilai RM135,000 ✕

Selangor AstraZeneca

TERKINI | POPULAR

Covid-19: Ibu muda mati dalam kereta ketika menunggu rawatan
Kuti berita terkini dari Sinar Harian
akan menerima notifikasi

2	Ibu pejabat MBSJ ditutup, 11 kakitangan positif Covid-19
3	Penerbangan dari India hanya kargo
4	Terperdaya kereta terpakai murah, pemandu lori rugi RM14,850
5	Musim candat sotong kembali dengan SOP lebih ketat

Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini:
<https://info.sinarharian.com.my/koronavirus>


Apakah reaksi anda?

Powered by **Yuukle**



Gembira


154




Biasa Jer




Terhibur



Teruja



Marah



Sedih



Covid-19: Ibu muda mati dalam kereta ketika menunggu rawatan Ikuti berita terkini dari Sinar Harian akan menerima notifikasi

Tidak Baca cerita seterusnya >

Powered by iZooto

Artikel Berkaitan



Slot vaksin AstraZeneca habis ditempah: Khairy

KUALA LUMPUR - [DIKEMAS KINI] Slot vaksin AstraZeneca COVID-19 bagi penduduk Kuala Lumpur dan Selangor telah ditempah sepenuhnya hanya dalam tempoh...



PM Thailand, 15 ahli Kabinet terima suntikan vaksin AstraZeneca

BANGKOK - Perdana Menteri Thailand, Prayuth Chan o-cha dan 15 anggota kabinetnya hari ini menerima suntikan vaksin Covid-19 Oxford-AstraZeneca, dalam...



Australia akan terus guna vaksin Covid-19 AstraZeneca

Kerajaan Australia mengulangi komitmennya untuk terus menggunakan vaksin Covid-19 AstraZeneca, lapor Agensi Berita Xinhua. Beberapa negara...



WHO pertahan vaksin AstraZeneca bendung Covid-19

GENEVA - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menegaskan pada Isnin bahawa penggunaan vaksin AstraZeneca masih penting dalam usaha memerangi pandemik...



Malaysia akan teruskan pembelian vaksin AstraZeneca

PUTRAJAYA - [DIKEMASKINI] Malaysia akan meneruskan proses penerimaan dan pembelian vaksin Covid-19 jenis AstraZeneca memandangkan tiada bukti...



Manfaat melebihi risiko, WHO syor terus guna vaksin AstraZeneca

GENEVA - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Rabu berkata, pihaknya akan terus mengesyorkan penggunaan vaksin Covid-19 AstraZeneca kerana...

Covid-19: Ibu muda mati dalam kereta ketika menunggu rawatan

SEORANG ibu muda berusia 35 tahun yang dijangkiti Covid-19 meninggal dunia dalam kereta ketika menunggu untuk mendapatkan rawatan di hospital.

Sinarharian

Covid-19: Ibu muda mati dalam kereta ketika menunggu rawatan. Ikuti berita terkini dari Sinar Harian akan menerima notifikasi

Sign up today and save up to 55% on your shipping rates

FedEx Express | Sponsored

Tidak Baca cerita seterusnya >

Powered by iZooto

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

Covid-19: Ibu muda mati dalam kereta ketika menunggu rawatan Ikuti berita terkini dari Sinar Harian akan menerima notifikasi

Tidak Baca cerita seterusnya >

Powered by iZooto